

Penetapan tukaran mata wang berjaya dikawal

UM 8 JAN 2002

Oleh ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 7 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia berjaya mengawal penetapan tukaran mata wang bagi memulihkan ekonomi kerana rakyat percaya kepada kekuatan ringgit.

Perdana Menteri berkata, berbanding rakyat negara lain yang lebih vakin kepada mata wang dolar Amerika Syarikat, rakyat Malaysia memilih untuk terus menggunakan ringgit walaupun nilainya jatuh akibat serangan spekulasi mata wang.

“Jika kita pergi ke negara jiran seperti Indonesia dan Thailand, kita akan dapati mereka lebih suka mengenakan bayaran ikut dolar AS kerana tidak percaya kepada mata wang tempatan.

“Rakyat Malaysia tidak berbuat demikian (dan) kita juga tidak ada pasaran gelap tukaran mata wang

sebab itulah kita berjaya menguasai (penetapan) tukaran mata wang ini,” katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika menyampaikan ucapan terna pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dan Ketua Penegrah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri.

Menurut Dr. Mahathir, terdapat negara lain yang turut mengamalkan kadar tukaran mata wang yang tetap kepada dolar AS seperti Malaysia tetapi tidak dapat mempertahankan kerana rakyat mereka memilih untuk menggunakan dolar AS.

Dengan menggunakan Argentina sebagai contoh, Perdana Menteri berkata, rakyat negara itu tidak yakin terhadap peso Argentina kerana ke-

rajaannya kerap menukar kadar tukaran dan nama mata wang tempatan.

“Argentina sudah empat kali menukar mata wangnya dan setiap kali mereka menukarnya rakyat semakin tidak percaya.

“Jadi apabila ditukarkan, rakyatnya dengan cepat menukar mata wang itu kepada dolar AS dan diantar pula ke bank-bank AS,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Argentina membuat keputusan yang betul bagi menetapkan nilai pesonya kepada dolar AS tetapi pentadbiran ekonomi serta mata wang yang tidak cekap membuatkan negara itu lemah dan tidak mampu membayar hutang negara.

“Kita juga menetapkan nilai ringgit kita kepada dolar AS tetapi kita dapat mencatatkan pemulihan ekonomi yang lebih baik berbanding negara lain yang melaksanakan pendekatan Dana Kewangan Antarabang-

sa (IMF) dengan mengamalkan kadar tukaran mata wang bebas,” ujar Perdana Menteri.

Pada sidang akhbar selepas itu, Dr. Mahathir menegaskan kerajaan tidak akan menukar kadar penetapan ringgit kepada dolar AS sesuka hati kerana ia boleh menjejaskan keyakinan rakyat dan juga pelabur asing.

“Kita mahu pastikan ringgit stabil kerana lebih baik hilang sedikit daya saing daripada hilang keyakinan terhadap ringgit.

“Sekali rakyat tidak percaya kepada mata wang kita, kita akan berada dalam masalah besar seperti yang berlaku kepada Argentina,” kata Perdana Menteri.

Sementara itu, Dr. Mahathir dalam ucapannya menambah, sebahagian besar negara yang mengamalkan sistem mata wang bebas seperti Indonesia, Thailand, Filipina, Taiwan mahupun Hong Kong masih

menjalankan pelbagai usaha untuk memulihkan ekonomi masing-masing.

Bagaimanapun terdapat sebuah negara lain iaitu Korea Selatan yang berjaya memulihkan ekonomi serta membayar balik semua pinjaman IMF dengan meningkatkan produktiviti dan mengekalkan kos yang rendah walaupun turut mengamalkan sistem mata wang bebas, kata beliau.

Perdana Menteri berkata, beliau amat kagum dengan keupayaan industri automobil Korea Selatan yang mampu mengeluarkan kereta pada harga yang amat murah.

“Saya tidak faham bagaimana mereka boleh membuat sebuah kereta Kia yang dibawa masuk ke Malaysia dengan kos cuma RM12,000 sahaja.

“Saya tanya mereka macam-macam tetapi masih tidak dapat jawapannya, mungkin saya perlu pergi ke negara itu untuk belajar pengurusan ekonomi,” ujarnya berseloroh.